

PENGARUH DIALEK DALAM PEMEROLEHAN BAHASA MELAYU BAKU REMAJA BERKEPERLUAN KHAS

*SITI NORIDAYU ABD. NASIR**
Universiti Putra Malaysia
noridayu87_nasir@yahoo.com

HAZLINA ABDUL HALIM
Universiti Putra Malaysia
hazlina_ah@upm.edu.my

** Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Penggunaan dialek merupakan salah satu alat komunikasi yang digunakan secara tidak formal dalam menyampaikan maklumat. Lazimnya, dialek sesuatu kawasan digunakan secara meluas oleh ahli keluarga dan orang terdekat. Namun begitu, penggunaan dialek tidak terbatas hingga ke alam persekolahan apabila berkomunikasi dengan rakan-rakan sekelas. Sedangkan, penggunaan bahasa Melayu baku begitu penting bagi meningkatkan pemerolehan bahasa Melayu dalam proses pembelajaran. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti pengaruh dialek dalam proses pembelajaran bahasa Melayu baku. Kemudian, melihat faktor pengaruh dialek dalam pembelajaran bahasa Melayu baku. Kajian ini juga mengaplikasikan Teori Mentalis Noam Chomsky bagi analisis data pemerolehan bahasa pertama responden kajian. Data diperolehi melalui item kajian berbentuk visual dan ujaran yang diungkapkan oleh responden. Hasil ujaran daripada responden dijadikan data kajian untuk dianalisis. Selain itu, borang soal selidik diberikan kepada waris dan responden bagi melihat bahasa yang digunakan dalam persekitaran responden. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pengaruh dialek menjadi dasar bagi pembelajaran bahasa Melayu baku. Namun begitu, pengulangan ujaran yang didengari oleh responden telah menjadi kefahaman yang berbeza dan tidak menepati makna dalam bahasa Melayu baku. Faktor persekitaran yang menggunakan dialek sepenuhnya menjadi alat komunikasi yang menjadi keutamaan responden. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan impak kepada persekitaran remaja berkeperluan khas yang masih bersekolah untuk mengaplikasikan penggunaan bahasa Melayu baku bersama keluarga dalam proses meningkatkan pemerolehan bahasa Melayu baku dengan lebih baik.

Kata kunci: pengaruh dialek; pemerolehan bahasa; bahasa Melayu baku; remaja; berkeperluan khas

THE INFLUENCE OF DIALECTS IN THE ACQUISITION OF STANDARD MALAY LANGUAGE OF ADOLESCENTS WITH SPECIAL NEEDS EDUCATION

ABSTRACT

The use of dialect is one of the communication tools used informally in conveying information. Typically, the dialect of an area is widely used by family members and close people. However, the use of dialects is not limited to school when communicating with classmates. Meanwhile, the use of standard Malay language is so important to increase the acquisition of Malay language in the learning process. Therefore, this study was conducted to identify the influence of dialects in the standard Malay language learning process. Then, look at the influential factors of dialect in standard Malay language learning. This research an applied Noam Chomsky's Mentalist Theory to analysis of first language acquisition data to the respondents. Data were obtained through visual and utterance research items expressed by respondents. The expression results from the respondents were used as research data for analysis. In addition, a questionnaire was given to the heirs and respondents to see the language used in the respondent's environment. The results show that the influence of dialect is the basis for standard Malay language learning. However, the repetition of utterances heard by the respondents has become an understanding that goes beyond the meaning of a word in standard Malay. Environmental factors that use dialects fully become communication tools that are the priority of respondents. Therefore, this study is expected to have an impact on the environment of adolescents with special needs who are still in school to applied the use of standard Malay with the family in the process of improving the acquisition of standard Malay to better.

Keywords: dialect influences; language acquisition; standard Malay language; adolescents; special needs

PENGENALAN

Bahasa Melayu baku merupakan bahasa yang ditulis, diungkapkan dan diujarkan dengan penggunaan yang rasmi mengikut peraturan bahasa. Lazimnya, bahasa Melayu baku digunakan dalam sesi pembelajaran dan pengajaran bahasa (P&P) di sekolah dan pusat pengajian tinggi di Malaysia. Selain itu, bahasa Melayu ialah bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan di Malaysia selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Bahasa Melayu dijelaskan oleh (Mohd. Sohaimi Esa et al., 2021) sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi identiti rakyat Malaysia dan dibina sebagai wadah untuk perpaduan nasional. Malah, bahasa Melayu juga menurut (Mohd. Sohaimi Esa et al., 2021) lagi, bukan sekadar alat komunikasi tetapi menunjukkan bangsa dan bahasa yang merupajan jiwa bangsa. Oleh itu, di Malaysia penggunaan bahasa Melayu menjadi lambang kepada semangat patriotisme dan menunjukkan identiti sebagai rakyat yang hidup harmoni di negara ini. Selain itu, (Mohd. Sohaimi Esa et al., 2021) menjelaskan lagi bahawa, bahasa juga mempunyai peranan yang besar dalam pembentukan jati diri dalam memupuk semangat kekitaan (esprit de corps) dengan integrasi dan maruah untuk membina negara bangsa yang berdaulat serta merdeka. Oleh itu, penggunaan bahasa yang baik perlu dikuasai oleh murid berkeperluan khas bagi menyempurnakan hasrat pendidikan negara dalam bidang akademik.

Aplikasi dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu menjadi salah satu agen perpaduan di Malaysia. Bahasa menjadi alat komunikasi harian dalam bentuk lisan dan tulisan kepada manusia. Hal ini kerana, faktor sejarah yang memisahkan tiga kaum terbesar di Malaysia

suatu ketika dahulu memberikan kesan kepada perpaduan hingga teretusnya peristiwa berdarah pada 13 Mei yang menjadi permulaan pada titik hitam perpaduan kaum. Tambahan lagi, sistem pendidikan venakular yang mengasingkan kaum Melayu, Cina dan India dengan sistem pendidikan masing-masing telah menyekat proses perpaduan kaum sebelum menjelang kemerdekaan. Menurut (Sharifah Darmia Sharif Adam, 2019) menjelaskan dalam kajiannya bahawa pelbagai usaha telah dilaksanakan pihak kerajaan untuk memastikan bahasa kebangsaan dapat melaksanakan peranannya sebagai satu bahasa yang menyatu padukan pelbagai etnik di negeri Sabah. Hal ini menunjukkan bahawa, bahasa Melayu menghadapi cabaran bukan sahaja dalam perpaduan dengan kaum yang berbeza tetapi juga berlaku dalam kalangan kepelbagaian etnik yang wujud di negara ini.

Selain itu, cabaran dalam penggunaan bahasa Melayu berlaku kerana wujudnya penggunaan dialek di setiap negeri yang berbeza. Penggunaan dialek di setiap daerah menyebabkan penggunaannya dalam komunikasi harian begitu meluas dalam kalangan masyarakat tanpa mengira peringkat usia. Begitu juga negeri Perlis yang menggunakan dialek utara dalam komunikasi lisan masyarakatnya. Menurut (Ahmad Sukry Musa & Siti Masayu Rosliah binti Abdul Rashid, 2021) menjelaskan negeri Perlis atau dikenali juga sebagai Perlis Indera Kayangan merupakan sebuah negeri yang paling kecil di Malaysia yang berkedudukan di Utara Semenanjung Malaysia serta bersempadan dengan Kedah juga Provinsi Satun dan Songkla, Thailand. Kedudukan negeri Perlis yang bersempadan dengan Kedah menggunakan dialek yang hampir sama dari segi sebutannya. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan penggunaan istilah dan bunyi bahasa tetapi penggunaan dialek utara digunakan oleh seluruh penduduk yang dilahirkan serta membesar di negeri Perlis. Hanya terdapat segelintir penduduk negeri Perlis yang dapat berbahasa Thailand atas faktor persempadanan dan keturunan asal mereka.

Murid sekolah yang berada pada tahap sekolah menengah dikategorikan sebagai remaja pada usia 13 hingga 17 tahun. Pada peringkat tingkatan satu hingga lima, murid sekolah berada dalam kategori remaja. Menurut *World Health Organization* (WHO) mendefinisikan mereka yang berusia 12 hingga 24 tahun adalah remaja. Terdapat tiga kriteria remaja yang digariskan oleh WHO dari segi biologi, psikologi dan sosio ekonomi. Pertama, remaja adalah individu yang menunjukkan ciri seksual sekunder sehingga mencapai tahap kematangan mereka. Kedua, individu yang mengalami perkembangan psikologi bermula daripada kanak-kanak hingga dewasa. Ketiga, terdapat peralihan dari kebergantungan dalam aspek sosioekonomi kepada ibu bapa kepada diri sendiri. Menurut (Khamim Zarkasih Putro, 2017) proses perkembangan remaja merupakan segmen kehidupan yang penting dalam jangka masa yang menjurus kepada perkembangan dewasa yang baik. Malah, (Khamim Zarkasih Putro, 2017) menyatakan dalam sosialisasi remaja mereka perlu menjalankan tugas dengan baik seiring dengan perkembangan usia. Walau bagaimanapun, menurut (Khanim Zarkasih Putro, 2017) menjelaskan bahawa tidak mudah bagi mendefinisikan istilah remaja secara tepat kerana terdapat pelbagai sudut pandangan yang berbeza digunakan dalam mendefinisikan istilah 'remaja'. Oleh yang demikian, remaja boleh dikategorikan mereka yang mempunyai lingkungan usia pada tahap sekolah menengah di Malaysia dengan ciri seseorang yang masih berada di bawah kawalan keluarga dan menuju ke alam dewasa dengan perubahan fizikal yang dialami mereka.

Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia dibahagikan kepada dua kategori, iaitu OKU yang mengalami masalah pembelajaran dan fizikal. Lazimnya, kanak-kanak yang mengalami masalah autisme, hiperaktif, *cerebral palsy*, *slow learner*, *speech delay*, *sindrom down*, *sindrom turner*, *mental disorder* dan masalah lain berkaitan genetik dikategorikan sebagai OKU masalah pembelajaran. Manakala, individu yang mengalami masalah berkaitan fizikal seperti kecatatan sejak lahir dan cacat kekal akibat kemalangan tergolong dalam kategori OKU Fizikal. Oleh itu, individu cacat penglihatan, cacat pendengaran, bisu, kecacatan kekal anggota badan dan kehilangan anggota badan merupakan OKU Fizikal yang mempunyai kad OKU daripada Jabatan kebajikan Masyarakat. Walau bagaimanapun, masalah dalam pemerolehan bahasa berlaku kepada OKU masalah pembelajaran yang menyekat peluang mereka untuk berjaya dalam akademik. Malah, OKU masalah pembelajaran merupakan murid sekolah dalam kategori berkeperluan khas yang memerlukan mereka belajar dalam kelas pembelajaran aliran khas. Menurut (Abdul Rahim Razalli, 2021) perbezaan pembelajaran murid dalam kategori berkeperluan khas tidak sama seperti murid normal terhadap topik pembelajaran yang diajar mengikut tiga aras keupayaan kognitif, afektif dan psikomotor (rendah, sederhana dan tinggi). Perbezaan ini menjadikan keperluan penguasaan bahasa Melayu baku yang menjadi bahasa rasmi dalam sistem pendidikan di Malaysia perlu dikuasai dengan baik. Namun begitu, pengaruh dialek daerah yang digunakan saban hari secara meluas mempengaruhi penguasaan dalam bahasa Melayu baku.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan tentang sorotan kajian lepas yang menjadi landasan dalam kajian berkaitan pengaruh dialek dalam bahasa Melayu baku melibatkan remaja berkeperluan khas di negeri Perlis. Kajian lepas tentang dialek, pemerolehan bahasa, bahasa Melayu, remaja dan berkeperluan khas diteliti dengan melihat hasil dapatan kajian lepas dalam proses perjalanan kajian ini. Oleh itu, kajian ilmiah ini dapat memperlihatkan tentang pelbagai aspek melibatkan dialek, pemerolehan bahasa serta berkeperluan khas yang pernah dikaji.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurul Afiqah (2021) menjalankan kajian tentang analisis dalam kata bantu dialek Melayu Terengganu yang menggunakan program minimalis. Keputusan kajian melalui analisis deskriptif menunjukkan DMT terdapat KKB dalam dua keadaan dengan kehadiran sebelum atau selepas kata kerja. Bagi analisis sintaksis pula menunjukkan KKB dalam DMT mempunyai fungsi gramatikal dalam penandaan kala untuk kata kerja. Malah, KKB dalam DMT boleh hadir selepas kata kerja dan mempunyai gabungan antara KKB aspek dan modal. Kemudian, (Harishon Radzi & Nor Rasidah Mohamad Buhari, 2021) menjalankan kajian berkaitan dialek dalam gaya bahasa lagu bagi pasukan bola sepak di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dialek boleh dijadikan sebagai lagu bola sepak dalam masa yang sama mewujudkan motivasi. Malah, dialek dalam lagu bola sepak berpotensi memberikan semangat serta keunikan lagu bola sepak setiap negeri di Malaysia bagi melambangkan keindahan gaya bahasa yang digunakan oleh setiap lagu. Seterusnya, (Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, 2021) menjalankan kajian tentang dialek Melayu Baling dengan melihat pemerian awal. Dapatan kajian menunjukkan dialek tersebut wajar menjadi dialek tersendiri (kelihan) yang memerlukan nomenklatur serta pengelompokan baharu di bawah

subdialek Melayu Kedah. Selanjutnya, (Norfazila Ab. Hamid & Norhasliza Ramli, 2021) pula menjalankan kajian berkaitan inventori fonem dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil di Salang. Keputusan kajian membuktikan bahawa DMTAP VSLG terdapat 8 fonem vokal, 18 fonem konsonan juga 2 diftong. Dialek ini merupakan dialek yang hampir pupus dan kajian ini bertujuan memperlihatkan penyebaran bunyi vokal dan diftong dengan menjalankan analisis keberadaan alternasi. Kemudian, (Mohd Tarmizi Hasrah, 2018) menjalankan kajian tentang dialek Melayu Hulu dan Hilir di Timur Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian memperlihatkan dialek yang dituturkan di kawasan hulu berbeza daripada kawasan hilir yang membolehkan persempadanan (isoglos) melalui pemisahan dialek dilakukan. Perbezaan ini penting bagi membahagikan dua kawasan dengan penggunaan dialek yang berbeza mengikut faktor topografi dua kawasan tersebut.

Seterusnya, (Cita Nugraeni Harsanti, 2021) menjalankan kajian tentang pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak berumur dua hingga empat tahun dalam morfologi dan sintaksis. Keputusan kajian menunjukkan pada usia dua hingga empat tahun pemerolehan morfologi adalah berbentuk bebas sintaksis mampu diungkapkan dalam beberapa perkataan yang boleh menjadi satu ayat dengan bunyi vokal bersama konsonan yang mula sempurna. Kemudian, (Nor Zulaiqha Rosli et al., 2021) menjalankan kajian tentang kemahiran dalam pertuturan bahasa Melayu murid kaum Cina melalui analisis kontrastif. Keputusan kajian memperlihatkan terdapat empat kesilapan sebutan bunyi konsonan murid Cina. Antaranya ialah kesilapan penggantian bunyi, penambahan bunyi, pengguguran bunyi dan kesilapan gramatikal yang menyebabkan kelemahan dalam penguasaan bahasa Melayu. Selanjutnya, (Ulfa Khusnatul Hidayah et al., 2021) menjalankan kajian berkaitan teori pemerolehan bahasa nativisme. Keputusan kajian ini menjelaskan bahawa teori nativisme dapat menonjolkan bakal manusia, mendorong kewujudan manusia yang berkemampuan, membantu manusia membuat pilihan dan menyokong perkembangan potensi diri. Namun begitu, teori nativisme mempunyai kekurangan di mana manusia memiliki sifat sukar yang diwarisi secara keturunan sejak lahir. Selain itu, (Yeni Maulina & Elvina Syahrir, 2020) menjalankan kajian tentang pemerolehan bahasa pada kanak-kanak dalam aspek psikolinguistik. Keputusan kajian menjelaskan bahawa pada usia bawah tiga tahun merupakan masa kritikal perkembangan bahasa kanak-kanak yang memerlukan ibu bapa menggunakan masa tersebut untuk menyokong pemerolehan bahasa anak. Malah, ibu dapat menentukan pemerolehan dan kecekapan bahasa anak kerana mereka cenderung untuk meniru percakapan ibu bapa mereka. Kemudian, (Yulia Eka Salnita et al., 2019) menjalankan kajian berkaitan pemerolehan bahasa kanak-kanak berusia tiga tahun. Dapatan kajian menunjukkan dalam aspek fonologi kanak-kanak berusia tiga tahun tidak dapat mengujarkan fonem /r/ dan /s/ dengan betul. Dalam sintaksis pula responden dapat mengujarkan empat perkataan yang deklaratif, imperatif, interogatif dan eksklamatif. Bagi semantik pula ujaran responden mempunyai makna denotatif.

Selanjutnya, (Aishah Mohamad Kassim, 2021) menjalankan kajian tentang pelestarian bahasa Melayu di Singapura sebagai bahasa ibunda. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa peralihan bahasa menjadi satu fenomena linguistik yang tidak dapat dielakkan oleh masyarakat di Singapura. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris menjadi keutamaan yang menunjukkan tanda awal dalam peralihan bahasa dalam masyarakat Melayu di Singapura. Kemudian, (Aman Shah Syed Ali et al., 2021) menjalankan kajian berkaitan masalah penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah rendah. Hasil kajian menunjukkan kemahiran bahasa Melayu yang sukar dikuasai oleh penutur natif adalah aspek penulisan karangan.

Hal ini berlaku kerana, murid bukan penutur natif mempunyai masalah dalam perkembangan idea, masalah teknikal dalam penulisan karangan dan penguasaan kosa kata yang lemah. Selepas itu, (Nur Fathiha Asyikin Baharin et al., 2021) menjalankan kajian tentang perubahan fonologi dalam bahasa Melayu dan bahasa Duano. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahasa Duano mengalami proses perubahan fonologi dalam kesejajaran fonem, pengglotisan, pemonoftongan, penyahnasalah dan sebagainya. Hal ini menyebabkan berlakunya perbezaan dalam fonologi dalam bahasa Duano dan BMS berlakunya proses evolusi yang akhirnya membentuk fonologi yang tersendiri. Seterusnya, (Shaline Sanmugam dan Alizah Lambri, 2021) menjalankan kajian berkaitan keberkesanan dalam teknik pembelajaran peribahasa Melayu menggunakan bahan multimodal. Keputusan kajian menunjukkan terdapat dua strategi yang digunakan oleh guru untuk mengajar peribahasa Melayu dengan berpusatkan guru dan murid menggunakan multimodal. Oleh itu, bahan multimodal digunakan secara bermain melalui bahan visual, auditori dan kinestetik. Kemudian, (Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz, 2020) menjalankan kajian tentang penilaian semula ciri bahasa Melayu klasik mengikut perbandingan inskripsi. Hasil dapatan kajian menunjukkan inskripsi batu-batu bersurat mempunyai ciri bahasa yang tidak sama antara satu sama lain. Empat ciri bahasa Melayu yang membezakan batu bersurat Terengganu adalah aksara jawi, kosa kata klasik, pangkal ayat dan ayat panjang secara berulang-ulang. Oleh itu, batu bersurat Terengganu sahaja yang menggunakan bahasa Melayu klasik dan batu bersurat lain menggunakan bahasa Melayu praklasik atau kuno.

Seterusnya, (Abdul Rashid Abdul Aziz et al., 2021) menjalankan kajian tentang kesan ketagihan media sosial terhadap kesihatan mental remaja semasa pandemik covid-19. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kesan penggunaan media sosial seperti buli siber, tingkah laku songsang, berita palsu serta penipuan atas talian, pornografi dan hasutan dalam siber. Oleh itu, penggunaan media sosial dilihat menyumbang kepada masalah kesihatan mental remaja seperti kebimbangan, stress, takut, kemurungan dan panik. Kemudian, (Mariam Abd Majid et al., 2021) menjalankan kajian tentang faktor penglibatan tingkah laku *delinkuen* dalam kalangan remaja dengan melihat kajian lepas. Dapatan kajian memperlihatkan ibu bapa dan keluarga menjadi faktor dominan yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam sikap *delinkuen*. Kemudian, faktor guru, rakan sebaya, persekitaran dan sekolah. Namun begitu, kerjasama dan keprihatinan semua pihak penting dalam menghalang remaja melakukan sikap *delinkuen* ini. Selanjutnya, (Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahman et al., 2021) menjalankan kajian berkaitan pornografi dalam kalangan remaja generasi Z menurut perspektif Islam. Keputusan kajian mendapati gejala pornografi mempengaruhi remaja lingkungan usia 11 hingga 22 tahun. Terdapat langkah penyelesaian yang digariskan di dalam teks al-Quran bagi merawat masalah ketagihan pornografi remaja dalam generasi Z. Seterusnya, (Nurzatil Ismah Azizan et al., 2021) menjalankan kajian berkaitan cabaran dalam membentuk akhlak remaja melalui persekitaran sosial serta perkembangan teknologi. Dapatan kajian menunjukkan cabaran utama dalam membentuk akhlak remaja adalah aspek denda serta nasihat, kebiasaan, kelaziman, peniruan, pemerhatian dan tauladan. Malah, perkembangan teknologi dan penggunaan media sosial tidak dapat dikawal dalam zaman moden ini. Kemudian, (Siti Nazurulaina Haji Aripin et al., 2021) menjalankan kajian berkaitan kecerdasan spiritual serta kesihatan mental remaja. Dapatan kajian menunjukkan kecerdasan spiritual mempunyai kaitan yang rapat dengan kesihatan mental kerana permasalahan dalam kehidupan berpunca daripada masalah spiritual yang tidak diurus dengan baik dan sempurna.

Selain itu, (Hazlin Haris & Khairul Farhah Khairuddin, 2021) menjalankan kajian tentang pelaksanaan pedagogi inklusif bagi murid berkeperluan khas yang mengalami masalah pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kepelbagaian yang digunakan seperti

pembelajaran secara koperatif, pembelajaran secara aktif, kaedah pengajaran bersama, kaedah bercerita dan pembelajaran *Non-Directive Teaching Model*. Kelebihan dalam pedagogi ini adalah peningkatan dalam kemahiran sosial murid seperti berdikari, berkongsi idea, penyertaan bersama, bekerjasama dan keyakinan diri. Kemudian, (Norrannah Ali & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2021) menjalankan kajian tentang halangan yang dihadapi oleh guur aliran perdana dalam melaksanakan program pendidikan. Dapatan kajian ini memperlihatkan faktor yang menghalang proses pengajaran adalah guru yang tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi serta latihan dalam pendidikan khas kerana pengajaran yang berbeza dengan murid normal. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar bengkel bersama antara guru aliran perdana dan pendidikan khas diadakan secara berkala. Seterusnya, (Nurliana Hassan & Rosadah Abd Majid, 2021) menjalankan kajian tentang persepsi guru pendidikan khas terhadap PdP atas talian semasa pandemik covid-19 di Malaysia. Keputusan kajian menunjukkan guru pendidikan khas mempunyai sikap yang positif dan bersedia mengaplikasikan PdP atas talian. Antara persepsi guru tertinggi adalah cabaran yang dihadapi guru pendidikan khas, tahap kesediaan guru pendidikan khas dan sikap guru pendidikan khas dalam PdP atas talian. Selanjutnya, (Nurul Hidayah Liew Abdullah et al., 2021) menjalankan kajian berkaitan persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pendidikan khas di Malaysia. Keputusan kajian ini memperlihatkan bakal guru pendidikan khas mempunyai pengetahuan tentang sistem pendidikan khas serta kategori MBPK di Malaysia. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat dilaksanakan kepada murid MPBK dengan pengetahuan yang baik oleh bakal guru. Selepas itu, (Velerie Wheelervon Primus & Musirin Mosin, 2021) menjalankan kajian tentang pengurusan pentaksiran bilik darjah murid berkeperluan khas dalam program inklusif di sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga belas sub tema dalam pengurusan perancangan pentaksiran serta pengurusan strategi mentaksir MBK PPI. Pengurusan PBD merupakan guru yang menjadi pelaksana utama daar yang menjamin kualiti PBD dalam kalangan MBK PPI.

Kemudian, (Midi HS, 2020) menjalankan kajian tentang pembelajaran bahasa Arab dan dinamika pembelajaran wacana dengan perbandingan teori Al-Sulukiyyah serta Al- Aqliyyah antara teks juga konsep. Kajian dijalankan bagi melihat secara mendalam tentang teori pembelajaran bahasa Arab. Teori yang diaplikasikan adalah behaviorisme dan mentalis. Selain itu, teori membincangkan pemikiran dan teori yang dipelopori oleh dua orang tokoh. Kajian juga membincangkan tentang teori pembelajaran bahasa Arab dalam behaviorisme dan mentalis. Dapatan kajian memperlihatkan pembelajaran bahasa Arab hanya boleh menggunakan satu teori sahaja bersesuaian peredaran zaman. Namun begitu, teori pembelajaran bahasa Arab saling terkesan dan berkait antara satu sama lain. Seterusnya, (Yahya, 2020) menjalankan kajian berkaitan perkembangan bahasa kanak-kanak menurut Noam Chomsky dan Eric Lenneberg. Tujuan kajian dijalankan bagi meneliti bagi mendiskripsikan perkembangan bahasa kanak-kanak berusia 6 hingga 7 tahun menurut Noam Chomsky. Malah, bertujuan mendiskripsikan perkembangan kanak-kanak berusia 6 hingga 7 tahun menurut Eric Lenneberg. Hasil dapatan menunjukkan bahawa perkembangan bahasa kanak-kanak 6 hingga 7 tahun menurut Noam Chomsky adalah kemampuan bahasa kanak-kanak dibentuk bermula dengan konsep yang bermakna sejak lahir memiliki kemampuan berbahasa sejak lahir yang dikenali sebagai *Language Acquisition Device (LAD)*.

Konklusinya, aspek dialek yang dikaji oleh penyelidik lepas berkaitan dengan penggunaan ujaran dalam pengaruh kawasan negeri yang didiami oleh seseorang individu. Malah, terdapat dialek yang digunakan secara berbeza walaupun di dalam negeri yang sama mengikut pengaruh lokasi. Bagi peemrolehan bahasa pula berbeza antara murid normal dan berkeperluan khas. Begitu juga, penggunaan bahasa Melayu baku yang digunakan dalam aktiviti rasmi termasuk

pembelajaran akademik. Oleh itu, murid berkeperluan khas memerlukan teknik pedagogi pengajaran yang berbeza dengan murid normal. Aspek pembelajara dalam Teori Noam Chomsky membuktikan bahawa semua manusia mempunyai *Language Acquisition Device (LAD)* dalam proses pembelajaran bahasa.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif yang mengkaji responden secara mendalam dan berbentuk lapangan. Selain itu, kajian ini dijalankan secara *in depth study* kepada responden kajian. Dapatan kajian didapati secara mendalam melalui proses temu bual menggunakan item kajian. Menurut (Tamam Timbang et al., 2010) menjelaskan data kualitatif diperoleh sepenuhnya melalui temu bual mendalam kepada responden. Selain itu, menurut (Zanaton Iksan et al., 2016) menjelaskan persetujuan peserta kajian dilakukan melalui tiga proses, iaitu membuat pengesahan transkripsi, pengesahan terhadap pemahaman dan pentafsiran yang dilakukan oleh pengkaji dan pengesahan terhadap beberapa kategori dan tema yang dibentuk oleh pengkaji. Kemudian, (Zanaton Iksan et al., 2016) menegaskan lagi pengesahan transkripsi dilakukan terhadap data mentah, iaitu data pemerhatian dan temu bual di mana pengkaji memberikan data mentah (transkripsi verbatim pengajaran dan transkripsi temu bual) kepada peserta kajian berserta borang pengesahan yang perlu ditandatangani sebagai bukti pengesahan tersebut.

Oleh itu, seorang remaja perempuan yang tinggal di Sungai Padang, Simpang Empat, Perlis telah dipilih sebagai responden kajian bagi mendapatkan data. Hal ini demikian kerana, responden merupakan penghidap *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)* yang memerlukan fokus mendalam untuk menjalankan kajian. Oleh itu, menurut (Halimaton Saadiah Abdul Razak & Mokhtar Tahar, 2019) menjelaskan murid-murid yang mengalami masalah “Attention Deficit Hyperactivity Disorder” (ADHD) adalah antara golongan yang lemah dari aspek penguasaan kemahiran belajar berikutan pengekal tumpuan yang singkat dan kesukaran untuk memastikan pelajaran yang disampaikan diperolehi dengan kadar yang sepatutnya. Justifikasi pemilihan responden daripada negeri Perlis kerana pengaruhi dialek yang digunakan dalam persekitaran responden. Malah, negeri Perlis merupakan negeri yang kecil dan tidak mempunyai banyak daerah. Oleh yang demikian, penggunaan dialek di seluruh negeri Perlis tidak banyak bezanya.

Selain itu, kajian ini adalah kajian kepustakaan yang menggunakan bahan ilmiah sebagai rujukan kajian. Antaranya adalah artikel jurnal, artikel daripada akhbar, buku, tesis, kertas kerja seminar, projek ilmiah tahun akhir dan artikel dalam majalah ilmiah. Bahan ilmiah bertulis ini dijadikan rujukan kerana ditulis oleh para sarjana dan mempunyai kesahan dalam setiap penyelidikan dan penulisan artikel.

Bagi mendapatkan data sebanyak lima bahagian soalan berpandukan visual diberikan kepada responden kajian. Antaranya bahagian buah-buahan tempatan, sayur-sayuran tempatan, perkakasan dapur, jenis pakaian dan jenis kenderaan. Sebanyak 25 visual diberikan dengan pembahagian sebanyak lima visual bagi setiap bahagian soalan. Setiap bahagian memerlukan reponden memberikan jawapan dalam bahasa baku dan menerangkan fungsi atau kegunaannya. Proses mendapatkan data dirakam, dicatat dan ditranskripsikan ke dalam bentuk teks. Oleh yang

demikian, bagi mendapatkan data yang baik maka penyelidik tidak mempengaruhi atau memberi rangsangan semasa penyelidikan dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Keputusan kajian diperoleh melalui lima bahagian soalan yang diberikan menggunakan visual berwarna. Hal ini kerana, visual yang mempunyai warna dapat menarik perhatian murid berkeperluan khas untuk mempelajari dan lebih teruja memberikan jawapan bagi soalan kajian. Dalam bahagian A terdapat visual tentang buah pisang, nanas, tembikai, manga dan kelapa muda. Buah-buahan tempatan ini merupakan buah yang biasa dilihat dan dimakan oleh responden dan tidak ada masalah untuk mengenali buah-buahan tersebut.

Bahagian A: Buah-Buahan Tempatan

JADUAL 1: Buah-Buahan Tempatan dan Jawapan Responden.

Bil.	Buah-Buahan Tempatan	Kegunaan (Jawapan Responden Kajian)
1.	Buah pisang	Penyelidik: Apakah kegunaan buah pisang? Responden: Buah pisang <i>buleh</i> makan... <i>buat cucoq</i> .
2.	Buah nanas	Penyelidik: Apakah kegunaan buah nanas? Responden: Buah <i>nenas</i> <i>buat</i> rojak.
3.	Buah tembikai	Penyelidik: Apakah kegunaan buah tembikai? Responden: Buah tembikai <i>buleh</i> <i>buat ayaq</i> .
4.	Buah mangga	Penyelidik: Apakah kegunaan buah mangga? Responden: Buah <i>pelam</i> haaa... <i>buat</i> garam belacan.
5.	Buah kelapa muda	Penyelidik: Apakah kegunaan buah kelapa muda? Responden: <i>Nyok</i> muda orang minum.

Dapatan daripada soalan bahagian A menunjukkan terdapat pengaruh dialek utara semenanjung yang digunakan setiap hari dalam persekitaran responden. Soalan tentang buah pisang menunjukkan terdapat pengaruh dialek yang digunakan, iaitu *buleh* dan *buat cucoq* yang merujuk kepada 'boleh' bagi *buleh* serta memasak kueh basah untuk *buat cucoq*. Dialog untuk buah nanas menunjukkan berlakunya kesalahan ejaan *nenas* bagi buah nanas dan pengaruh dialek untuk perkataan *buat* yang merujuk kepada 'membuat' dalam perkataan baku. Buah tembikai menunjukkan berlakunya pengaruh dialek dalam ayat *buleh buat ayaq* yang merujuk kepada 'boleh dibuat air'. Bagi buah mangga juga berlaku pengaruh dialek, iaitu *pelam* dan *buat* yang merujuk kepada 'mangga' untuk *pelam* dan *buat* untuk 'melakukan'. Dalam ayat kegunaan buah kelapa muda berlaku pengaruh dialek pada perkataan *nyok* untuk 'kelapa'.

Bahagian B: Sayur-Sayuran Tempatan

JADUAL 2: Sayur-Sayuran Tempatan dan Jawapan Responden.

Bil.	Sayur-Sayuran Tempatan	Kegunaan (Jawapan Responden Kajian)
1.	Sawi panjang	Penyelidik: Apakah kegunaan sawi panjang? Responden: <i>Boh</i> dalam bahun <i>goren</i> .

2.	Kacang panjang	Penyelidik: Apakah kegunaan kacang panjang? Responden: Buat <i>sayoq</i> .
3.	Lobak merah	Penyelidik: Apakah kegunaan lobak merah? Responden: Carrot orang <i>buat sayoq</i> .
4.	Lobak putih	Penyelidik: Apakah kegunaan lobak putih? Responden: <i>Tat tau...cheq tat besa</i> makan..
5.	Terung bulat	Penyelidik: Apakah kegunaan terung bulat? Responden: <i>Buat pajeri kot</i> .

Selepas itu, Jadual 2 menunjukkan jawapan responden untuk kegunaan sayur-sayuran tempatan yang diberikan melalui visual oleh penyelidik. Bagi sawi panjang, responden menggunakan dialek *boh* dan *goren* yang merujuk kepada ‘meletakkan di dalam masakan’ untuk *boh* serta *goren* yang merujuk kepada ‘goreng’. Bagi kacang panjang pula dialek *sayoq* digunakan untuk merujuk kepada ‘kacang panjang yang boleh dimasak’. Lobak merah pula disebut oleh responden dalam bahasa Inggeris kerana kelaziman penggunaan bahasa Inggeris dalam persekitaran responden yang diujarkan sebagai *carrot*. Dalam jawapan lobak merah masih berlaku pengaruh dialek dengan menyebut *buat sayoq* yang merujuk kepada ‘masakan berasaskan sayuran lobak merah’. Manakala, dalam jawapan lobak putih yang tidak menjadi kelaziman untuk responden berlaku dialek yang disebut *Tat tau...cheq tat besa* yang merujuk kepada ‘tidak mengetahui tentang lobak putih kerana tidak pernah memakan sayur tersebut’. Dalam visual terung bulat pula, responden masih menggunakan dialek *buat* untuk ‘melakukan’ dan *kot* yang merujuk kepada sesuatu yang tidak pasti.

Bahagian C: Perkakasan Dapur

JADUAL 3: Perkakasan Dapur dan Jawapan Responden.

Bil.	Perkakasan Dapur	Kegunaan (Jawapan Responden Kajian)
1.	Kuali	Penyelidik: Apakah kegunaan kuali? Responden: <i>Goren lauk</i> .
2.	Cerek air	Penyelidik: Apakah kegunaan cerek air? Responden: <i>jerang ayaq</i> .
3.	Senduk	Penyelidik: Apakah kegunaan senduk? Responden: Kacau <i>nasik</i> .
4.	Pisau	Penyelidik: Apakah kegunaan pisau? Responden: Potong <i>sayoq</i> ...ikan.
5.	Periuk kukus	Penyelidik: Apakah kegunaan periuk kukus? Responden: <i>Kukuih</i> pulut.

Kemudian, dalam perkakasan dapur tidak menunjukkan masalah pengenalan item kerana responden sering melakukan tugas memasak di dapur. Bagi item kuali terdapat pengaruh dialek yang digunakan, iaitu *goren lauk* yang merujuk kepada ‘goreng lauk-pauk seperti ikan, ayam dan sebagainya. Item cerek air menunjukkan berlakunya pengaruh dialek *jerang ayaq* yang merujuk kepada tindakan ‘menjerang air’. Bagi item senduk pula berlaku pengaruh dialek untuk perkataan *nasik* yang merujuk kepada ‘nasi’ dalam bahasa Melayu baku. Kegunaan untuk pisau juga berlaku pengaruh dialek dalam perkataan *sayoq* yang merujuk kepada ‘sayur-sayuran’. Akhir sekali bagi

kegunaan periuk kukus menunjukkan pengaruh dialek dalam perkataan *kukuih* yang merujuk kepada ‘aktiviti mengukus makanan’.

Bahagian D: Jenis Pakaian

JADUAL 4: Jenis Pakaian dan Jawapan Responden.

Bil.	Jenis Pakaian	Kegunaan (Jawapan Responden Kajian)
1.	Baju kurung	Penyelidik: Apakah kegunaan baju kurung? Responden: Pakai <i>pi</i> makan kenduri.
2.	Baju sejuk	Penyelidik: Apakah kegunaan baju sejuk? Responden: Pakai masa sejuk.
3.	Baju gaun	Penyelidik: Apakah kegunaan baju gaun? Responden: Orang <i>kawen</i> pakai.
4.	Baju kebaya songket	Penyelidik: Apakah kegunaan baju kebaya songket? Responden: <i>Hat ni</i> pun orang <i>kawen jugak</i> pakai.
5.	Baju t-shirt	Penyelidik: Apakah kegunaan baju t-shirt? Responden: Pakai <i>keluaq pi</i> jalan-jalan.

Seterusnya, bahagian D tentang jenis pakaian dan Jadual 4 adalah berkaitan kegunaan pelbagai jenis pakaian yang berbeza. Bagi baju kurung pengaruh dialek yang digunakan adalah *pi* yang merujuk kepada ‘pergi’. Bagi baju sejuk tidak wujud penggunaan dialek utara yang digunakan di negeri Perlis, ayat yang digunakan adalah ayat ringkas tetapi masih lagi dalam binaan ayat yang menggunakan bahasa Melayu baku. Kegunaan baju gaun berlaku pengaruh dialek dengan perkataan *kawen* yang merujuk kepada ‘pakaian yang dipakai untuk majlis perkahwinan. Baju kebaya songket menunjukkan berlakunya pengaruh dialek dalam perkataan *hat ni* dan *kawen jugak* yang merujuk kepada ‘baju yang sama’ bagi *hat ni* juga *kawen jugak* untuk ‘kegunaan majlis perkahwinan seperti baju gaun’. Jenis pakaian baju t-shirt pula, responden menggunakan dialek *keluaq pi* yang merujuk kepada ‘kegunaan baju untuk keluar ke sesuatu lokasi’.

Bahagian E: Jenis Kenderaan

JADUAL 5: Jenis Kenderaan dan Jawapan Responden.

Bil.	Jenis Kenderaan	Kegunaan (Jawapan Responden Kajian)
1.	Teksi	Penyelidik: Apakah kegunaan teksi? Responden: Naik <i>pi</i> pekan.
2.	Motosikal	Penyelidik: Apakah kegunaan motosikal? Responden: Naik <i>pi</i> sekolah.
3.	Basikal	Penyelidik: Apakah kegunaan basikal? Responden: Dulu naik <i>gerek</i> .
4.	Feri	Penyelidik: Apakah kegunaan feri? Responden: Naik kalau <i>nat pi</i> Langkawi.
5.	Kapal terbang	Penyelidik: Apakah kegunaan kapal terbang? Responden: Kalau <i>nat pi</i> jauh... <i>cheq tat besa</i> naik.

Akhir sekali, dalam Jadual 5 adalah tentang jenis kenderaan dan jawapan yang diberikan oleh responden. Bagi item kenderaan teksi menunjukkan dialek *pi* digunakan untuk ‘pergi’ dalam bahasa Melayu baku. Bagi motosikal pula penggunaan dialek untuk perkataan *pi* masih digunakan yang merujuk kepada ‘pergi’. Basikal pula memperlihatkan penggunaan istilah dalam dialek utara dengan penggunaan *gerek* yang merujuk kepada ‘basikal’. Kenderaan air feri menunjukkan dialek yang digunakan adalah *nak pi* yang bermaksud ‘hendak pergi ke sesuatu lokasi menggunakan feri’ yang jelas menunjukkan responden mengenali kenderaan air itu. Kenderaan udara kapal terbang pula menunjukkan responden kenal kegunaannya untuk pergi ke lokasi yang jauh. Penggunaan dialek *nat pi* merujuk kepada ‘hendak pergi ke sesuatu tempat’ dan *cheq tat besa* adalah ‘saya tidak pernah menaiki kapal terbang’.

Dapatan memperlihatkan penggunaan dialek utara yang digunakan secara meluas oleh responden kerana manusia mempunyai *Language Acquisition Device* (LAD) sejak lahir seperti yang diunjurkan oleh Noam Chomsky. Penggunaan dialek utara digunakan oleh ahli keluarga responden dalam ujaran mereka untuk diperdengarkan dan diajarkan secara tidak formal kepada responden. Oleh yang demikian, responden cenderung menggunakan dialek utara dalam komunikasi hariannya termasuk aktiviti berbicara dengan rakan sekelas di sekolah. Oleh itu, (Ruly Adha, 2022) menegaskan dalam teori behaviorisme memperjelaskan bahawa kemampuan bercakap dan memahami bahasa oleh kanak-kanak diperoleh melalui rangsangan daripada lingkungannya. Malah, (Ruly Adha, 2022) menambah lagi bahawa kanak-kanak dianggap memiliki peranan yang aktif dalam proses perkembangan tingkah laku verbal mereka.

Oleh itu, lakuan dalam berbicara secara berulang oleh ahli keluarga responden yang menggunakan dialek utara sepenuhnya menyebabkan ingatan jangka masa panjang merekodkan kosa kata dan istilah menggunakan dialek dalam proses mengingat responden. Selain itu, (Ruly Adha, 2022) menjelaskan juga prose perkembangan bahasa ditentukan oleh jangka masa latihan yang diberikan oleh persekitarannya. Rentetan itu, (Oratna Sembiring, 2021) menjelaskan sejak manusia lahir lagi sudah dilengkapi dengan peranti pemerolehan bahasa, iaitu *Language Acquisition Device* (LAD) sebagai proses manusia yang memiliki perkembangan kognitif yang pelbagai. Selain itu, (Oratna Sembiring, 2021) menjelaskan juga bahawa LAD berfungsi dalam perkembangan pemikiran, kecerdasan dan kepintaran kanak-kanak. Oleh yang demikian, pengaruh penggunaan dialek utara oleh responden bersandarkan kepada LAD yang dimiliki olehnya sejak dilahirkan lagi. Maka, latihan yang berterusan serta penggunaan dialek utara dalam persekitaran responden memberikan kesan yang ketara dalam pembelajaran secara formal yang memerlukan penggunaan bahasa Melayu standard atau baku.

Tambahan pula, impak *Language Acquisition Device* (LAD) dalam pemikiran Noam Chomsky memperjelaskan ia berlaku secara semula jadi kepada semua bayi yang dilahirkan. Responden ialah seorang remaja berkeperluan khas yang mengalami masalah dalam pembelajaran tetapi komunikasi seharian berlaku secara spontan untuk menyampaikan maklumat. Penggunaan bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris untuk menyebut *lobak merah* telah disebut sebagai *carrot* dalam persekitaran responden. Maka, kosa kata bahasa Inggeris *carrot* digunakan dengan meluas tanpa mengenal pasti kosa kata sebenar yang betul dalam bahasa Melayu yang disebut sebagai *lobak merah*. Oleh yang demikian LAD yang dimiliki oleh responden dapat menaakul kosa kata bahasa jika digunakan secara berulang kali dalam persekitarannya.

KESIMPULAN

Konklusinya, walaupun arahan telah diberikan untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu baku dalam sesi kajian tetapi responden masih selesa menggunakan dialek yang menjadi alat komunikasi pada setiap hari. Dialek yang digunakan menjadi alat komunikasi utama antara responden dan ahli keluarganya serta kawan-kawannya. Malahan, dialek digunakan untuk urusan yang melibatkan jual beli serta lain-lain. Sesi pembelajaran formal di sekolah yang memerlukan penggunaan bahasa Melayu baku diikuti oleh responden dengan komunikasi yang begitu terhad.

Selain itu, pengaruh yang berlaku dalam kajian ini adalah penggunaan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kedua (B2) responden. Bahasa Inggeris digunakan di sekolah untuk subjek bahasa Inggeris. Namun begitu, penggunaan istilah *carrot* adalah penggunaan istilah yang digunakan oleh persekitarannya. Oleh yang demikian, perkataan 'lobak merah' tidak digunakan oleh ahli keluarganya dan menjadi kejanggalan untuk diungkapkan oleh responden. Walau bagaimanapun, responden menunjukkan bahawa setiap item dalam lima bahagian soalan dikenali dengan jelas olehnya.

Teori Behaviorisme Mentalis melalui pendapat Noam Chomsky bertepatan dengan lakuan yang dialami oleh responden kajian. Hal ini demikian kerana, responden mendapat bahasa daripada persekitarannya menggunakan dialek utara secara meluas dan berulang kali. Setiap perkara yang dilakukan secara kerap atau berulang kali dapat membantu meningkatkan kadar ingatan jangka masa panjang seseorang manusia. Maka, responden dapat mengingat dengan baik setiap kosa kata bahasa pertama yang digunakan dalam dialek utara setiap hari. Malah, komunikasi yang berlaku telah memberikan ingatan yang baik kepada responden bagi mengetahui dengan jelas sesuatu kosa kata yang dikuasainya.

Oleh yang demikian, pengaruh dialek boleh mempengaruhi seorang remaja berkeperluan khas jika digunakan secara meluas. Maka, perlunya pendedahan dalam penggunaan bahasa Melayu baku bagi memudahkan pembelajaran formal di sekolah oleh responden. Hal ini kerana, bidang akademik di Malaysia memerlukan pengetahuan bahasa baku dalam bentuk teks dan lisan. Usaha ini perlu dipergiatkan bagi membantu pemerolehan bahasa yang baik kepada remaja berkeperluan khas di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Razalli. (2021). Teknik PdPR murid OKU. Atas talian. Muat Turun Pada Mei 24, 2021 @ 8:40pm. bhpendidikan@bh.com.my. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/05/820506/teknik-pdpr-murid-oku>.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Mohd Faizal Kasmani & Nor Hamizah Ab Razak. 2021. Implikasi Ketagihan Media Sosial Terhadap Kesihatan Mental Remaja Semasa Pandemik Covid-19. *Journal of Social Science and Humanities e-Bangi. Special Issue. Theme: Social Issues and Challenges of the Covid Pandemic 19*. Vol. 18. No.8, 66-81.

- Ahmad Sukry Musa & Siti Masayu Rosliah binti Abdul Rashid. 2021. Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Ekonomi Pekebun Mikro Harumanis di Paya Kelubi, Perlis. *Jurnal of Social Science and Humanities e-Bangi*. Vol. 18. No.5, 138-156.
- Aishah Mohamad Kassim. 2021. Pelestarian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ibunda di Singapura. *Jurnal Pengajian Melayu – Jomas*. Jilid 32(2),39-56.
- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod dan Mohammed Azlan Mis. 2021. Masalah Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif di Sekolah Rendah. *Konvensyen Bahasa Melayu 2021. IPG Kampus Bahasa Melayu*. 1-19.
- Cita Nugraeni Harsanti. 2021. Pemerolehan Bahasa Pertama terhadap Anak Usia 2 sampai 4 Tahun Menurut Tataran Morfologi dan Sintaksis. *Jurnal Kualita Pendidikan*. Vol. 2, No. 2, 131-135.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nurul Afiqah. 2021. Analisis Kata Kerja Bantu dalam Dialek Melayu Terengganu Menggunakan Program Minimalis. *Jurnal Linguistik*. Vol. 25 (2), 1–19.
- Halimaton Saadiah Abdul Razak & Mokhtar Tahar. 2019. Intervensi Video Model Diri dalam Meningkatkan Tumpuan Murid-Murid Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD). e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019, 24 – 25 April 2019, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 306-317.
- Harishon Radzi & Nor Rasidah Mohamad Buhari. 2021. Dialek dalam Gaya Bahasa Lagu Pasukan Bola Sepak di Malaysia. *Jurnal Linguistik*. Vol. 25 (1), 133 – 147.
- Hazlin Haris & Khairul Farhah Khairuddin. 2021. Pelaksanaan Pedagogi Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol. 6. Issue 2, 197 – 210.
- Khamim Zarkasih Putro. 2017. Memahami Ciri dan Tugas Perkembangan Masa Remaja. *APLIKASIA: Jurnal Aplikasi Ilmu-ilmu Agama*. Vol.17, No. 1, 25-32.
- Mariam Abd Majid, Nurzatil Ismah Azizan, Noraini Mohamad, Abur Hamdi Usman, Noor Hafizah Mohd Haridi, Zainab Ismail & Aisyah Humairak Abdul Rahman. 2021. Faktor Penglibatan Tingkah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol. 14, No. II,12-27.
- Midi HS. 2020. Pembelajaran Bahasa Arab dan Dinamika Wacana Bahasa Studi Komparasi Teori Al-Sulūkiyyah dan Al-‘aqliyyah Antara Teks dan Konteks. *Journal of Arabic Language, Literature, and Education*. Vol. 1, No. 1, 16-31.
- Mohd. Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Irma Wani Othman & Herlina Jupiter. 2021. Isu dan Cabaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di Ambang Kemerdekaan Tanah Melayu. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Vol. 6, Issue 41,111-125.
- Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani. 2021. Dialek Melayu Baling: Satu Pemerian Awal. *Jurnal Bahasa. Dewan Bahasa dan Pustaka*. Jilid 21, Bil. 2, 193-216.
- Mohd Tarmizi Hasrah. 2018. Dialek Melayu Hulu dan Hilir di Timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Bahasa. Dewan Bahasa dan Pustaka*. Jilid 18, Bil. 1, 65-102.
- Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahman, Tengku Maaidah Tengku A. Razak, Nik Nurul Akmal Ab. Alim, Nur Kamilah Kamaruddin, Najahudin Lateh & Nurhidayah Hashim. 2021. Pornografi dalam Kalangan Remaja Generasi Z Menurut Perspektif Islam. *Online Journal of Research in Islamic Studies*. Vol. 8(2), 67-78.

- Norfazila Ab. Hamid & Norhasliza Ramli. 2021. Inventori Fonem Dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil Di Salang. *Jurnal Melayu*. Bil. 20 (1), 109-125.
- Norramlah Ali & Nurfaradilla Mohamad Nasri. 2021. Halangan yang Dihadapi oleh Guru Aliran Perdana dalam Melaksanakan Program Pendidikan. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 3, No. 3, 74-82.
- Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar & Norazimah Zakaria. 2021. Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu oleh Murid Cina: Teori Analisis Kontrastif. *LSP International Journal*, Vol. 8, Issue 1, 35-55.
- Nur Fathiha Asyikin Baharin, Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor Mohamad Nor. 2021. Perubahan Fonologi dalam Bahasa Duano dan Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu - JOMAS*, Jilid 32(2), 112 -133.
- Nurliana Hassan & Rosadah Abd Majid. 2021. Persepsi Guru Pendidikan Khas Terhadap PdP atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 3, No. 4, 239-251.
- Nurul Hidayah Liew Abdullah, Siti Fatimah Mohd Jamil, Marina Ibrahim Mukthar, Maziana Mohamed & Aini Nazura Paimin. 2021. Persepsi Bakal Guru Pendidikan Khas terhadap Pendidikan Khas di Malaysia. *Sains Insani 2021*. Vol. 06. No 1, 113-120.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin & Nur Fatimah Zainuddin. 2021. Cabaran Membentuk Akhlak Remaja melalui Persekitaran Sosial dan Perkembangan Teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol. 14, No. 1, 118-129.
- Oratna Sembiring. 2021. Kognisi Semantik Pemerolehan Bahasa Pada Jojo (Anak Umur 3 Tahun). *Seminar Nasional dan Sastera Indonesia 2021*. 638-663.
- Ruly Adha. 2022. Fenomena Pemerolehan dan Perkembangan Bahasa pada Anak Usia Dini. *Jurnal Anifa: Studi Gender dan Anak*. Vol. 3 No. 1, 17-31.
- Siti Nazurulaina Haji Aripin, Siti Aishah Yahya, Suhaya Deraman & Noraini Abdol Raop. 2021. Kecerdasan Spiritual dan Kesehatan Mental Remaja. *Jurnal 'Ulwan Special Issue I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi*. Jilid 6, Bil. 1, 144-154.
- Shaline Sanmugam & Alizah Lambri. 2021. Keberkesanan Strategi Pembelajaran Peribahasa Bahasa Melayu Menggunakan Bahan Multimodal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. Vol. 11, Bil. 2, 80-87.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. 2019. Peranan dan Cabaran Bahasa Kebangsaan dalam Menyatupadukan Pelbagai Etnik di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol. 4, Issue 4, 1-11.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Jamaludin Badushah. 2010. Masalah Membaca Murid-murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Bil. 35(2), 77-85.
- Ulfa Khusnatul Hidayah, Mohamad Jazeri & Binti Maunah. 2021. Teori Pemerolehan Bahasa Nativisme LAD. *Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastera*. Vol. 6 No. 2, 177-188.
- Velerie Wheelervon Primus & Musirin Mosin. 2021. Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah Murid Berkeperluan Khas dalam Program Pendidikan Inklusif di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol. 6. Issue 8, 59-68.
- World Health Organization (WHO). Adolescent health. https://www.who.int/health-topics/adolescent-health#tab=tab_

- Yahya. 2020. Perkembangan Bahasa Anak Menurut Noam Chomsky dan Eric Lenneberg. *Tesis Sarjana Pendidikan Program Pengajian Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*. Institut Agama Islam Negeri Palangka Raya Fakulti Tarbiyah dan Ilmu Pendidikan. Tahun 2020.
- Yeni Maulina & Elvina Syahrir. 2020. Kajian Psikolinguistik; Pemerolehan Bahasa pada Anak. *Jurnal Saree*. Vol 2, No 1, 1-10.
- Yulia Eka Salnita, Atmazaki & Abdurrahman. 2019. Pemerolehan Bahasa pada Anak Usia 3 Tahun. *Jurnal Obsesi. Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*. Vol. 3, Issue 1, 137 – 145.
- Zanaton Iksan Salasiah Hanin Hamjah, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mohd Noor Saper .2016. Kualiti Ilmu Berasaskan Kesahan dan Kebolehpercayaan Data dalam Penyebaran Ilmu Islam: Perbincangan Berasaskan Kajian Kualitatif. *Jurnal Hadhari*. Bil.8 (1), 13-30.
- Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz. 2020. Penilaian Semula Ciri Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Perbandingan Inskripsi. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*. Vol. 2. No. 2, 18-33.

Biodata Penulis:

Siti Noridayu Abd. Nasir merupakan pelajar pascasiswazah (Doktor Falsafah) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengajian beliau ialah neuropsikolinguistik. Fokus penyelidikan beliau ialah pemerolehan dan penguasaan bahasa.

Hazlina Abdul Halim (PhD) merupakan Prof. Madya dan dekan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah linguistik terapan bahasa Perancis dan pengajian penterjemahan.